



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SEMESTER 1, 2020/2021

FALSAFAH & ISU SEMASA

UHS 1022

LAPORAN WEBINAR

Nama : Afif Hazmie Arsyad Bin Agus

Matrik : A20EC0176

K/P : 010421011349

Kursus/Sect : Fakulti Kejuruteraan (Kejuruteraan Data)

No Tel : 019-7910545

Laporan

Pada 10 Januari 2021, Universiti Teknologi Malaysia telah mengadakan program Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual kepada para pelajar khususnya kepada pelajar yang mengambil khusus UHIS 1022 Falsafah dan Isu Semasa. Antara objektif webinar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang apakah maksud dekolonisasi dan kesannya kepada masyarakat Malaysia. Webinar ini dihadiri oleh Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr. Nasruddin bin Yunus yang berperanan sebagai panel jemputan untuk berkongsi ilmu dan bertukar pendapat tentang maksud dekolonisasi tersebut.

Apakah maksud dekolonisasi? Sebelum itu, kita perlu tahu maksud bagi dua lagi istilah lain iaitu kolonisasi dan nekolonisasi. Kolonisasi merupakan satu idea dan usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah atau kuasa imperialis merujuk kepada beberapa ideologi yang penting yang terdapat di negara-negara barat ketika itu. Slogan “White mans burden” yang digunakan oleh orang barat sebagai tujuan mereka menguasai, menakluk, mengeksploitasi negara-negara lain. Orang barat menganggap ia merupakan tanggungjawab mereka untuk memodenkan orang-orang yang tidak bertamadun atau orang-orang yang tidak berkulit putih. Ideologi ini yang membawa gerakan mereka untuk menjajah negara-negara lain. Selain itu, ia merupakan usaha-usaha untuk mendapatkan sumber asli bagi revolusi perindustriannya seperti, timah, besi, bijih dan lain-lain. Selepas daripada berlakunya penjajahan, barulah berlakunya proses dekolonisasi. Oleh itu, dekolonisasi adalah usaha membebaskan tanah air daripada kuasa luar atau didefinisikan sebagai kemerdekaan

Dekolonisasi berlaku secara besar selepas perang dunia pertama, banyak negara yang telah dibebaskan menjelang perang dunia ke dua. Bagaimana dekolonisasi berlaku? Perkara ini boleh berlaku dalam dua bentuk. Yang pertama ialah dari segi rundingan seperti negara kita iaitu Malaysia dan yang ke dua adalah melalui peperangan menentang penjajah atau kedua-duanya boleh berlaku bagi proses dekolonisasi. Contohnya di Tanah Melayu pada peringkat awal, penentangan dilakukan dalam bentuk pemikiran dan emosi. Mereka yang memperjuangkan penentangan ini ialah para agamawan dan para nasionalis tempatan. Apabila sesebuah penentangan itu menghampiri ambang kemerdekaan, pihak penjajah akan mula untuk menyerahkan semula negara tersebut kepada mereka yang pernah mendapat pendidikan daripada negara-negara barat.

Mengapa penduduk tempatan atau para pejuang menentang penjajah? Yang pertama ialah penduduk tempatan mendapati penjajah telah merampas sebahagian besar atau mengambil hasil bumi mereka. Yang kedua ialah mereka mahu negara mereka masing-masing dikawal oleh penduduk tempatan. Yang ketiga ialah mereka mahukan keadilan terhadap penduduk tempatan. Oleh sebab itu, proses dekolonisasi diadakan bagi menyingkirkan kuasa luar daripada wilayah yang dijajah dan menyingkirkan fahaman yang memburukkan dan melemahkan jiwa masyarakat yang dijajah.

Proses dekolonisasi yang berlaku di sesuatu kawasan itu membawa kesan kepada masyarakatnya dan juga global. Antaranya ialah ia dapat memulihkan pandangan dunia terhadap penduduk tempatan itu. Hal ini kerana mereka dapat memiliki dan memerintah negara mereka sendiri. Seterusnya, ia dapat mengembalikan budaya dan cara hidup tradisional masyarakat tempatan. Semasa pemerintah kuasa luar, rakyat dipaksa untuk mengikut dan memahami adat dan undang-undang kuasa luar tersebut. Selain itu, kesan daripada dekolonisasi ini ialah ia dapat penubuhan negara baru berasaskan kepada bangsa. Seperti yang kita dapat lihat pada hari ini, setiap negara mempunyai penduduk peribuminya yang tersendiri. Di samping itu, ia juga mewujudkan kesatuan baru di kalangan negara bekas penjajah seperti Kesatuan Komanwel.

Kesimpulannya, pelbagai perkara yang positif dapat berlaku apabila negara kita mendapat kemerdekaan. Negara dapat berkembang dari segi ekonomi dan sosial. Proses dekolonisasi ini juga memupuk semangat perpaduan dikalangan masyarakat tempatan. Mereka yang berbangsa cina, melayu, India dan kaum peribumi bekerjasama untuk merampas kembali hak mereka daripada kuasa luar tanpa mengira bangsa. Bak kata pepatah ‘Bersatu teguh bercerai roboh’, ia bermaksud sekumpulan manusia bekerjasama akan menjadikan sesuatu perkara itu mustahil untuk dilakukan daripada bertindak berseorangan. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah sentiasa mengenang jasa para pejuang yang telah bersusah payah mendirikan negara Malaysia yang kita dapat lihat pada hari ini.